

# Malaysia tiada kaitan kes selatan Thai – PM

Daripada OTHMAN MOHAMAD

RIYADH 29 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak pernah wujud bukti mengaitkan mereka yang sering ditahan di selatan Thai kerana disyaki golongan pemisah, dilatih dan merancang aktiviti mereka di Malaysia.

Sambil menegaskan bahawa tidak ada bukti ia melibatkan rakyat Malaysia, Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa Malaysia sentiasa menyasat setiap kali isu berkaitan timbul.

"Ia merupakan 'tuduhan' yang sering kita dengar tetapi kita tetap siasat... dan selama ini tidak ada kes. Jika ada sekalipun, kita akan ambil tindakan," katanya yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Abdullah ditanya oleh wartawan Malaysia kenapa pihak Malaysia acap kali dikaitkan dengan aktiviti gerakan pemisah di selatan negara jiran itu.

Beliau berada di sini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-19 atas jemputan Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud serta Liga Arab sendiri.

Perdana Menteri menegaskan, penahanan kumpulan terbaru yang turut memiliki mata wang Malaysia, selain bahan-bahan lain yang boleh menjadi komponen membuat bom oleh pihak berkuasa Thailand di selatan negara itu, bukanlah membuktikan mereka disertai oleh rakyat Malaysia, dilatih di Malaysia ataupun merancang sesuatu di Malaysia.

Kelmarin, pihak berkuasa Thailand menahan lapan lelaki dan tiga wanita yang disyaki pemberontak, dalam satu serbuan di kawasan wilayah selatan Thailand yang

Ulm - 30/3/2007  
bergolak awal pagi ini, dan merampas beberapa senjata api serta komponen membuat bom, dan juga mata wang Malaysia serta Thailand.

Panglima Tentera Thailand, Jeneral Sonthi Boonyaratglin berkata, antara yang ditahan termasuk empat orang yang mempunyai waran tangkap, manakala wanita itu adalah antara pemimpin utama perumpulan wanita pergerakan pemisah.

Dua senjata M-16, dua senapang patah, sepucuk pistol, tiga set walkie-talkie, 10 guni baja urea dan 18 utas jam turut ditemui dalam serbuan di Tanjong Limo, dalam daerah Rangse.

Perdana Menteri berkata, apa yang boleh dikaitkan dengan pemilikan ringgit Malaysia oleh golongan itu ialah mereka mungkin bersiap untuk melintasi sempadan ke Malaysia.

"Mana-mana orang boleh memiliki mata wang Malaysia, begitu juga dolar Amerika tetapi (dalam kes ini) Ringgit Malaysia lebih memudahkan kerana Malaysia negara paling hampir," jelasnya.

Lagipun, katanya, rakyat Thailand mudah keluar masuk ke Malaysia dengan dokumen sah.

Mengenai isu dua kerakyatan yang sering juga dikaitkan dalam kes-kes seumpama itu, Abdullah berkata, Malaysia dan Thailand telah bersetuju masing-masing menyediakan senarai mereka yang disyaki dan kemudian membuat perbandingan, berasaskan biometrik untuk menyelesaikannya.

Lebih 2,100 nyawa terkorban sejak keganasan meletus di tiga wilayah selatan Thailand yang bersempadan dengan wilayah Songkhla sejak Januari 2004.

- Utusan